

# PERINTIS

MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERSEPADU KEPADA PENCEROBOH TANAH KERETA API DI BATU CAVES

EDISI  
2/2016

Oleh : Zulizwan Yusuf

Satu tindakan penguatkuasaan bersepadu telah dilaksanakan oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bersama pihak Pejabat Daerah Tanah Gombak (PTD Gombak), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ke atas pendudukan secara tidak sah pusat pembuangan sampah dan beberapa struktur setinggian haram di atas tanah kereta api milik Perbadanan ini di sebahagian Lot 2229, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor.

Kewujudan pusat pembuangan sampah haram itu telah menyebabkan pencemaran bau dan kehadiran banyak anjing liar dan binatang seperti ular dan biawak yang mengganggu kesejahteraan penduduk di kawasan sekitar. Dalam operasi itu juga, pihak berkuasa tempatan telah mengenalpasti beberapa lokasi takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Bagi melancarkan operasi tersebut beberapa jentera berat telah digunakan bagi meroboh struktur dan bangunan kosong yang didirikan secara haram. Pihak RAC juga telah mengenal pasti beberapa struktur rumah ibadat dan setinggian yang menduduki tanah RAC secara tidak sah. Pusat pengumpulan besi lusuh yang



telah ditamatkan penyewaan oleh Perbadanan ini juga didapati masih menjalankan aktiviti tanpa kebenaran. Kesemua mereka ini telah diberikan notis oleh RAC untuk keluar daripada tapak.

Lot 2229 merupakan kawasan yang telah disewakan kepada syarikat Teraju Biru bagi tujuan pembangunan pusat sukan & rekreasi. Walaubagaimanapun, pendudukan beberapa struktur setinggian termasuk pusat pembuangan sampah dan rumah ibadat telah melambatkan cadangan pelaksanaan projek pembangunan tersebut.

Operasi yang diadakan pada 26 Mei 2016 itu diketuai oleh PDT Gombak dengan kerjasama oleh lebih 50 anggota MPS.



Sebarang urusan rasmi Perbadanan ini hendaklah dirujuk ke alamat berikut:  
Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

No. 29G, Blok B, Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

TEL: 03-8733 2020 FAX: 03-8733 2222 / 03-8733 6018



[www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)



Perbadanan Aset Keretapi



RailwayAssetsMy

# SENARAI KANDUNGAN

- ▶▶ 1 Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu Kepada Penceroboh Tanah Kereta Api di Batu Caves
- ▶▶ 3 Dasar Penyewaan/ Pajakan Serta Penguatkuasaan Ke Atas Tanah Milik RAC
- ▶▶ 4 RAC Tuntut Ganti Rugi Ke Atas Dalang Kes Kecurian Batu Balas Di Teluk Intan
- ▶▶ 5 RAC Laksana Semakan Banci Setinggalan Tanah Kereta Api Di Kelantan
- ▶▶ 5 RAC Turun Padang Jumpa Penyewa Di Kemayan Dan Mengkarak
- ▶▶ 7 Seramai 184 Pengunjung Membanjiri Program Hari Bertemu Pelanggan RAC Di Kelantan
- ▶▶ 9 Program Hari Bertemu Pelanggan RAC Turun Padang Di Kluang, Johor
- ▶▶ 9 PLBEG-JB:seramai 143 Yang Masih Mendiami Tanah Kereta Api Milik Rac Diberi Notis Akhir
- ▶▶ 10 50 Jawatan Baharu Diwujudkan Di RAC
- ▶▶ 11 Penganjuran RAILS'S Day Tingkat Kesedaran Pengguna Mengenai Kelebihan RAILS
- ▶▶ 12 Ustaz Syamsul Debat Mengimarahkan Sambutan Ramadhan Di RAC

Salam Sejahtera dan Salam Kegemilangan,

Terlebih dahulu, saya selaku Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merasa bangga dan bersyukur kerana buletin RAC bagi edisi kedua tahun ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Terima kasih kepada Unit HEK yang telah bertungkus lumus dalam memastikan buletin ini menemui pembacanya.

Perkongsian PERINTIS kali ini banyak mengetengahkan tindakan yang telah dilaksanakan oleh RAC sama ada isu yang melibatkan aduan atau aktiviti turun padang. Antaranya, tindakan penguatkuasaan bersepadu yang dijalankan bersama agensi penguatkuasa yang lain di Batu Caves, telah menyelesaikan banyak aduan bukan sahaja melibatkan RAC malah pihak berkuasa tempatan di kawasan itu. Selain itu, keperihatinan orang ramai terhadap tindakan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil batu balas dengan cara yang tidak sah di Teluk Intan turut membantu RAC dalam menyelesaikan masalah kecurian dan kerosakkan jajaran lama di kawasan tersebut. Program Hari Bertemu Pelanggan juga terus dilaksanakan di kawasan-kawasan *hot spot* bagi memudahkan urusan para pelanggan kami.

Sementara itu, sekalung tahniah diucapkan kepada Unit Pengurusan Maklumat yang telah menganjurkan RAILS'S Day yang mana melalui penganjuran program itu, warga kerja RAC telah diberi pendedahan dan maklumat yang jelas mengenai sistem pengurusan aset bersepadu secara atas talian yang akan digunakan mulai Mac 2017 iaitu *Railway Assets Intelligence System (RAILS)*. Penggunaan sistem ini kelak akan membantu kakitangan RAC dalam menjalankan tugas mereka dengan lebih efisien.

Sepanjang tahun 2016, banyak aktiviti dan program yang telah dilaksanakan RAC dalam menterjemah fungsi dan peranannya. Semoga di tahun-tahun akan datang, lebih banyak program dan aktiviti akan dibuat bagi memastikan peranan dan tanggungjawab RAC akan terus diperkemas dan dimantapkan.

Sekian, terima kasih.

Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara

CHAN HUAN SENG

## HUBUNGI KAMI

RAC mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan daripada semua pembaca PERINTIS. Sila salurkan maklum balas anda kepada:

Unit Hal Ehwal Korporat,  
PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)  
No. 29G, Blok B, Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8733 2020 Faks: 03-8733 2222 Emel: [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

# Dasar Penyewaan/Pajakan Serta Penguatkuasaan Ke Atas Tanah Milik RAC

Aktiviti penyewaan dan pajakan telah menjadi punca pendapatan utama RAC sejak ia ditubuhkan dan merupakan aktiviti penting dalam pengurusan tanah-tanah kereta api di seluruh Semenanjung Malaysia. Permohonan penyewaan/pajakan tanah kereta api boleh dipohon melalui Borang Sewaan Pajakan dan dikenakan fi pemprosesan berjumlah RM200.

Dalam meluluskan sesuatu permohonan penyewaan dan pajakan, dasar-dasar berikut akan digunakan sebagai asas dalam membuat keputusan bagi sesebuah permohonan. Selain itu, ulasan daripada agensi-agensi lain yang terlibat seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Pihak Berkuasa Tempatan turut menjadi asas pertimbangan. Dasar-dasar ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Ke-67 Bil 5/2015 bertarikh 11 November 2015.

## DASAR PENYEWAAAN DAN PAJAKAN DI ATAS TANAH - TANAH KERETAPI/ RUANG STESEN/ KUARTERS MILIK PERBADANAN ASET KERETAPI

### Dasar Pemohonan Penyewaan

- i. Kaedah pemberian sewa:
  - a. Permohonan daripada individu/ syarikat/ pertubuhan menggunakan borang permohonan rasmi PAK/H-01
  - b. Tawaran secara terus oleh RAC
- ii. Penyewaan yang dibenarkan:
  - a. Komersial (kiosk/ parkir dan lain-lain perniagaan)
  - b. Pertanian (tanaman kontan sahaja)
  - c. Lain-lain kegunaan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan.
- iii. Tempoh maksimum adalah tiga (3) tahun
- iv. Jenis bangunan yang boleh didirikan adalah bangunan separuh kekal sahaja (tertakluk kepada kelulusan RAC).

### Dasar Penolakan Permohonan Penyewaan

RAC berhak **MENOLAK** permohonan penyewaan bagi tujuan di bawah tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC:

- i. Kediaman - kecuali bagi kuarters yang tidak digunakan oleh KTMB;
- ii. Ternakan dan tempat cuci kereta di kawasan operasi kereta api;
- iii. Tapak parkir untuk pengkalan teksi atau kereta sewa kecuali kaunter tiket;
- iv. Tanaman kekal kecuali bagi pengeluaran hasil;
- v. Rumah ibadat baharu (surau/kuil/tokong/gereja/gurdwara/shrien) selepas 1 Januari 2012;
- vi. Kawasan yang dipohon telah ada penyewa; dan
- vii. Tapak yang telah dikenalpasti terlibat dengan projek pembangunan.

### Dasar Penetapan Kadar Sewa

- i. Kadar sewa yang dikenakan adalah berasaskan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan kadar lain yang ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan atau Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC.
- ii. Kadar sewa nominal bagi struktur sedia ada sebelum 1 Januari 2012 seperti rumah ibadat (bukan individu) dan kegunaan tanah/bangunan yang bukan berasaskan keuntungan adalah seperti berikut:
  - a. RM 250.00 sebulan kurang daripada satu (1) ekar.
  - b. RM 500.00 sebulan lebih daripada satu (1) ekar dan kurang daripada dua (2) ekar
  - c. RM750.00 sebulan melebihi daripada dua (2) ekar
  - d. Keluasan maksimum adalah tiga (3) ekar.

### Dasar Penetapan Bayaran Cukai dan Kos Penyelenggaraan

- i. Kadar sewa tanah hak milik adalah termasuk bayaran cukai tanah;
- ii. Cukai taksiran dan lain-lain cukai/caj yang dikenakan akan dibayar oleh penyewa;
- iii. Kos penyelenggaraan tanah dan bangunan yang disewa ditanggung oleh penyewa;
- iv. Penyewa yang dikenakan kadar sewaan nominal, bayaran cukai tanah, cukai taksiran dan kos penyelenggaraan tapak dan bangunan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

### Dasar Notis Penamatan Sewaan

- i. Tunggakan maksima dua (2) bulan - rujuk kepada dokumen perjanjian;
- ii. Melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian sewaan;
- iii. Melanggar undang-undang dan peraturan perundangan semasa Negara;
- iv. Keperluan tanah oleh RAC atau kerajaan untuk projek perkeretapian.

Selain itu, bagi memastikan tanah kereta api seluas 12,638 hektar termasuk tanah operasi di sepanjang jajaran sejauh 1,560 kilometer terhindar daripada aktiviti pendudukan secara tidak sah dan pencerobohan, tindakan penguatkuasaan secara bersepadu telah dibuat oleh Perbadanan ini dengan secara koordinasi bersama agensi/ jabatan lain selepas penyampaian notis pentadbiran RAC dan notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) dibuat.

Selain itu, penetapan Dasar Penguatkuasaan Tanah dan Rumah Ibadat yang diwujudkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC Ke 52 Bil 1/2012 pada 28 Februari 2012 membolehkan proses tindakan untuk menghalang pembinaan kediaman baru, rumah ibadat baru, tanaman kekal dan aktiviti ternakan yang berada di dalam kawasan operasi kereta api dilaksanakan dengan lebih teratur. Gangguan kepada kawasan operasi kereta api bukan sahaja membahayakan kepada penceroboh malah ia juga melibatkan penumpang dan operasi kereta api.

### DASAR PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PENDUDUKAN SECARA TIDAK SAH DI ATAS TANAH-TANAH KERETA API

RAC tidak membenarkan sama sekali tanah-tanah keretapi dibangunkan untuk tujuan kediaman dan rumah ibadat kecuali pembinaan yang telah sedia ada sebelum wujudnya RAC.

## RAC Tuntut Ganti Rugi Ke Atas Dalang Kes Kecurian Batu Balas Di Teluk Intan



Oleh : Ahmad Muliadi Ali

RAC akan mengenakan ganti rugi ke atas dalang yang melakukan aktiviti pengambilan batu balas tanpa kebenaran di jajaran lama kereta api di Kampung Sungai Kerawai, Teluk Intan. Perak.

Selain itu, satu laporan polis juga telah dibuat oleh wakil RAC di Ibu Pejabat Polis Teluk Intan bagi menghalang tindakan kecurian tersebut.



Kes berkenaan berjaya dibongkar susulan aduan yang diterima daripada orang ramai yang kurang senang dengan pelaksanaan aktiviti tersebut yang boleh menyebabkan struktur jajaran lama tersebut rosak. Ekoran itu, RAC dengan kerjasama Pejabat Daerah & Tanah Hilir Perak yang diwakili oleh En. Ahmad Khairi Yusof dan, Sarjan Mat Noor dari Ibu Pejabat Polis Teluk Intan telah melakukan lawatan tapak dan siasatan ke lokasi kecurian pada 6 Oktober 2016.



Hasil siasatan mendapati aktiviti kecurian dilakukan oleh seorang penduduk kampung tersebut bagi tujuan penambakan tanah di kawasan sawah padi, pembinaan tapak bangunan kediaman dan tapak dewan orang ramai yang terletak berdekatan dengan kediamannya.

Tindakan susulan perundangan melalui mahkamah akan diambil sekiranya individu terbabit gagal membayar ganti rugi yang dikenakan.

# RAC LAKSANA SEMAKAN BANCI SETINGGAN TANAH KERETA API DI KELANTAN



Bagi memastikan maklumat data setingan yang mendiami tanah kereta api di Kelantan lengkap dan komprehensif, satu gerak kerja pelaksanaan ulang banci telah diadakan bermula pada 16 Mei hingga 3 Jun 2016 dan dari 25 hingga 29 Julai 2016.

Aktiviti tersebut dilaksanakan ekoran maklumat sebahagian daripada setingan di negeri itu tidak dapat diperolehi semasa Program Bancian Setingan Fasa 1 dan Fasa 2 dibuat. Ini disebabkan pemilik kediaman atau premis tiada di rumah atau gagal dikenalpasti. Selain itu, kerja ulang banci tersebut juga diadakan bagi memastikan setingan-setingan yang telah dibanci tidak mengubahsuai struktur kediaman atau premis mereka selain mengenalpasti kewujudan setingan-setingan yang baharu.



Maklumat-maklumat daripada Program Bancian Setingan ini akan digunakan sebagai asas oleh pihak Kementerian Pengangkutan, RAC, Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi lain yang berkaitan bagi merencanakan tindakan yang boleh diambil ke atas pendudukan setingan di atas tanah kereta api. Tindakan ini bagi memastikan Dasar Pelaksanaan Penguatkuasaan Ke Atas Pendudukan Secara Tidak Sah Di Atas Tanah-Tanah Keretapi dapat dilaksanakan dengan berkesan disamping memastikan operasi kereta api dapat berjalan dengan selamat.



## *RAC Turun Padang Jumpa Penyewa Di Kemayan Dan Mengkarak*

Dua daerah di Pahang iaitu Kemayan dan Mengkarak telah dijadikan lokasi penganjuran Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) RAC pada 7 dan 8 Mei 2016. Penganjuran program tersebut adalah bagi menyampaikan Surat Setuju Terima kepada 132 penyewa yang berjaya dalam permohonan penyewaan mereka meliputi kedua-dua daerah berkenaan.

Selain itu, tujuan program ini diadakan adalah bagi menyelesaikan beberapa isu dan permasalahan berkaitan aktiviti penanaman kelapa sawit di atas tanah kereta api yang memerlukan penelitian lanjut daripada RAC. Selain dua daerah ini, program HBP ini turut merangkumi beberapa penyewa yang tinggal di daerah berdekatan iaitu Mengkarak, Triang, Mentakab dan Temerloh. Di Kemayan, program tersebut telah diadakan di Dewan Orang Ramai Bandar Kemayan, Pahang



dengan kehadiran seramai 53 orang. Sementara di daerah Mengkarak, Program HBP RAC telah diadakan di Dewan Serbaguna Orang Ramai Kg. Baru Mengkarak dengan kehadiran 57 orang. Turut hadir semasa program di Mengkarak ialah Ahli Parlimen Guai, YB. Dato' Norol Azali Bin Sulaiman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang.

Program pada kali ini juga turut menyediakan khidmat Pesuruhjaya Sumpah bagi urusan pemetraian perjanjian di antara penyewa dengan pihak RAC. Khidmat Pesuruhjaya Sumpah ini telah diwakili oleh En. Juhari Bin Idris.



Berikut adalah output yang diperolehi daripada pengajuran kedua-dua program berkenaan:

- Bagi kedua-dua program yang dianjurkan sejumlah RM10, 839.60 tunggakan sewa berjaya dikutip.
- Sebanyak 48 Surat Tawaran Penyewaan telah disampaikan kepada pemohon yang berjaya di Kemayan dan Mengkarak. Baki Surat Tawaran Penyewaan yang tidak dituntut akan disampaikan melalui pos kepada pemohon.
- Seramai tujuh (7) orang penyewa telah menandatangani Surat Tawaran Penyewaan dan mengembalikan semula surat tersebut pada hari yang sama.
- Sebanyak 20 Borang Permohonan Penyewaan baharu telah diterima.
- Seramai empat (4) penyewa telah menghantar borang permohonan pengurangan kadar sewa .
- Lawatan tapak di Stesen Keretapi Kemayan bagi mengenalpasti tapak yang dipohon untuk tujuan penyewaan secara komersial.
- Sebanyak dua (2) perjanjian penyewaan telah memuktamadkan dua perjanjian penyewaan pada program kali ini iaitu:

Kamirah Binti Ramin	Di TT 47/1-2, Kemayan, Daerah Bera, Pahang
Peresamy A/L Perumal	KM 99.75 - KM 100.00, Mengkarak, Daerah Bera, Pahang

## Seramai 184 Pengunjung Membanjiri Program Hari Bertemu Pelanggan RAC Di Kelantan



Seramai 184 pengunjung yang sebahagian besarnya terdiri daripada penyewa dan individu yang mendiami tanah kereta api hadir pada Program Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di dua lokasi iaitu Stesen Keretapi Kuala Krai dan Stesen Keretapi Tanah Merah pada 29 dan 30 September 2016.

Selain pembukaan kaunter perkhidmatan oleh RAC, program kali ini turut dimeriahkan dengan penyertaan pihak Kementerian Pengangkutan, Jabatan Kerja Raya dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mana kesemua agensi ini terlibat dalam kerja-kerja peningkatan infrastruktur kereta api yang sedang giat dijalankan bagi Sektor Pantai Timur. Selain itu, pameran keselamatan di kawasan landasan turut diadakan oleh Jabatan Keselamatan, Kesihatan, Pekerjaan dan Persekitaran (OSHEN) KTMB bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya di kawasan landasan.

Program kali ini telah dihadiri oleh Pengurus Besar RAC, En Chan Huan Seng dan Pengurus Kanan Hartanah yang juga Jurutera Kanan Perbadanan ini iaitu En Azmel Yamin bin Wahab.

Turut menyertai program kali ini ialah wakil daripada Unit Pengurusan Maklumat dan Sigma Rectrix Systems (M) Sdn Bhd di mana pasukan ini telah melaksanakan kaji selidik mengenai ketersediaan para pelanggan RAC menggunakan *Railway Assets Intelligence System (RAILS)* dalam berurusan dengan Perbadanan ini. Melalui sistem ini kelak, para pelanggan RAC boleh membuat permohonan penyewaan tanah-tanah keretapi dan pembayaran sewa secara atas talian. Selain itu, melalui RAILS juga, pengurusan dan pemantauan aset kereta api dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Berikut adalah output yang diperolehi daripada penganjuran kedua-dua program berkenaan:

- \* Sejumlah RM 24,245.70 berjaya dikutip semasa program tersebut dianjurkan iaitu sebanyak RM 19,745.70 merupakan jumlah kutipan sewa manakala sejumlah RM4,500.00 dikutip merupakan jumlah bayaran bagi fee pemprosesan permohonan sewa.
- \* Berikut adalah jumlah penyewaan yang diperolehi daripada kedua-dua program yang dilaksanakan.



PERKARA	JUMLAH EDARAN BORANG	BORANG YANG DIKEMBALIKAN/DITERIMA
Permohonan Baru	70	32 permohonan diterima *23 permohonan telah membayar wang proses manakala 9 permohonan belum membuat bayaran
Penyambungan Sewa	35	17
Pengurangan Sewa	35	10
Pertukaran Nama/ Penamatan	-	6

- \* Sebanyak tujuh (7) perjanjian penyewaan telah dimuktamadkan semasa program di Stesen Keretapi Tanah Merah. Berikut adalah senarai nama penyewa yang telah menandatangani perjanjian penyewaan:

NAMA PENYEWA	LOKASI PENYEWAAN
Ismail Bin Mohamed	Sebahagian Lot 660, Seksyen 1, Berhampiran KM 502.60, Mukim Bandar Pasir Mas, Daerah Pasir Mas, Kelantan
Rubiah Binti Che Abdullah	Berhampiran KM99.75, Mengkarak, Temerloh, Pahang
Noraini Binti Othman	Sebahagian ruang di bangunan Stesen Keretapi Pasir Mas, Kelantan
Kamaruddin Bin Hassan	KM 476.5, Mukim Bandar, daerah Tanah Merah, Kelantan
Noor Liawati Binti Ismail	Stesen Keretapi Wakaf Bharu, Daerah Tumpat, Kelantan
Abdullah Bin Zakaria	Sebahagian Lot 154, Berhampiran KM 476.25-KM 476.50, Mukim Tanah Merah, Daerah Tanah Merah, Kelantan
Riaziana Binti Che Leh	Sebahagian lot 3150, Berhampiran KM 479.50, Mukim Pasir Genda, Daerah Tanah Merah, Kelantan



# PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN RAC TURUN PADANG DI KLUANG, JOHOR

Pada 28 Oktober 2016, RAC buat pertama kalinya mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) di Stesen Keretapi Kluang, Johor. Selain RAC, program kali ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pengangkutan apabila turut mengadakan pameran mengenai Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru yang akan dimulakan tidak lama lagi.

Seramai 28 pengunjung telah mengunjungi booth yang disediakan. Turut diadakan adalah kaji selidik oleh pasukan daripada Unit Pengurusan Maklumat dan Sigma Rectrix Systems (M) Sdn Bhd mengenai ketersediaan para pelanggan RAC terhadap pengenalan sistem RAILS yang dijangka digunakan sepenuhnya menjelang Mac 2017.



## PLBEG-JB: SERAMAI 143 YANG MASIH MENDIAMI TANAH KERETA API MILIK RAC DIBERI NOTIS AKHIR

Sebanyak 143 struktur yang terdiri daripada setinggan kediaman, komersial, rumah ibadat dan ternakan yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas - Johor Bahru telah diberi notis akhir.

Penggedaran notis tersebut telah dibuat sepasukan wakil daripada RAC, KTMB, Pejabat Tanah Segamat, Pejabat Tanah Kluang, Pejabat Tanah Kulai, Pejabat Tanah Kecil Labis, Pejabat Tanah Johor Bahru dalam satu gerak kerja yang bermula pada 7 hingga 10 November 2016.



Notis tersebut memberi tempoh sehingga 31 Disember 2016 bagi mereka yang masih mendiami tanah kereta api milik RAC untuk mengosongkan tapak dan sekiranya sehingga tamat tempoh yang diberikan pihak-pihak terbabit masih gagal/cuai/enggan keluar, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil.

Pelaksanaan projek PLBEG-JB dengan kos keseluruhan RM7.13 bilion akan dimulakan akhir tahun ini dijangka mengambil masa antara tiga hingga lima tahun untuk disiapkan. Pembinaan jajaran landasan sepanjang 197 kilometer dijangka akan menjadi pencetus kepada pemodenan sistem pengangkutan kereta api di selatan tanah air selain meningkatkan perkhidmatan perkeretapian di negara ini.



## JAWATAN BAHARU DIWUJUDKAN DI RAC

Sebanyak 50 jawatan baharu secara kontrak ditawarkan oleh RAC pada 11 Oktober 2016 selaras dengan pelan pengukuhan perjawatan di Perbadanan ini. Kali terakhir perjawatan di RAC ditambah adalah pada tahun 2008 dengan kemasukkan 22 kakitangan berjawatan tetap. Oleh itu sejajar dengan pertambahan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Keretapi 1991, maka pertambahan sumber manusia diperlukan bagi memastikan RAC dapat terus berdaya saing. Kelulusan pertambahan 50 jawatan kontrak ini diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam setelah mendapat pengecualian khas dari Kementerian Kewangan.

Seterusnya sesi temuduga kepada calon-calon yang telah berjaya melepasi tapisan diadakan bermula pada 1 November 2016 hingga 15 Disember 2016 di Pusat Temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Cendahari, Kuala Lumpur dan Perbadanan Aset Keretapi Kajang. Berikut adalah jawatan yang telah diiklankan bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak di RAC.

Jawatan	Jumlah Jawatan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	1
Penolong Pegawai Penerangan S29	1
Penolong Pegawai Undang-Undang L29	1
Penolong Pegawai Penilaian W29	1
Penolong Akauntan W29	4
Penolong Juru Ukur Bahan JA29	1
Penolong Jurutera JA29	6
Penolong Pegawai Tadbir N29	19
Pegawai Perancang Bandar J41	1
Jurutera J41	4
Juruukur Bahan J41	1
Juruukur J41	1
Juru Geospatial J41	1
Arkitek J41	1
Pegawai Tadbir Gred N41	7

Calon-calon yang berjaya dalam temuduga ini dijangka memulakan tugas mereka secara rasmi di RAC pada 3 Januari 2017.

# Pengajaran RAILS's Day

## Tingkat Kesedaran Pengguna Mengenai Kelebihan RAILS

Pada 25 Oktober 2016, Unit Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Sigma Rectrix Systems (M) Sdn Bhd, syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan Projek Pengkomputeran RAC telah menganjurkan *RAILS's Day* bertujuan memperkenalkan *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) kepada pengguna sistem tersebut.

Sistem yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac 2017 itu, merupakan satu daripada inisiatif terbaharu daripada RAC dalam mewujudkan sistem pengurusan aset keretapi bersepadu yang membolehkan para pelanggan melaksanakan urusan perniagaan dengan Perbadanan ini secara atas talian.

Ia meliputi permohonan sewa secara online, menyemak keputusan permohonan secara online, pembayaran sewa dan tunggakan secara online serta mengemukakan aduan/pertanyaan.

Dalam sambutan yang bertemakan *Get To Know Your System* itu, warga kerja Perbadanan ini telah diberi taklimat mengenai pembangunan sistem RAILS oleh En Edy Zairani selaku Pengarah Projek mengenai cara penggunaan dan kelebihan-kelebihan yang ditawarkan oleh sistem tersebut. Selain itu, borang kaji selidik juga telah diedarkan bagi melihat sejauh mana kakitangan RAC bersedia menerima RAILS sebagai pemudah cara dalam melaksanakan kerja harian mereka.



# USTAZ SYAMSUL DEBAT MENGIMARAHKAN SAMBUTAN RAMADAN DI RAC



Sempena sambutan bulan Ramadan 1437H, RAC telah menganjurkan Program Ceramah Perdana & Berbuka Puasa untuk warga kerjanya pada 17 Jun 2016. Ceramah yang disampaikan oleh Encik Syamsul Amri Bin Ismail atau lebih popular dengan panggilan Ustaz Syamsul Debat itu membawa tajuk Kualiti Diri Mencerminkan Kualiti Organisasi bukan sahaja menekankan aspek keagamaan malah turut membawakan konsep motivasi sesuai dengan keperluan warga kerja Perbadanan ini. Program ceramah tersebut boleh ditonton di laman sosial RAC atau melalui Youtube dengan pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=Lm-y1W4Q4o8>.

Selain program ceramah, majlis turut diserikan dengan penyerahan *pack food* yang mengandungi juadah berbuka puasa kepada kakitangan Perbadanan ini. Pengagihan pek makanan berbuka puasa ini bagi membolehkan kakitangan RAC berkongsi juadah dengan keluarga di rumah.

